



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# PUSTAKA

## BULETIN PNM

BILANGAN 1/2022  
JAN - APR 2022  
ISSN : 0128-8679



*Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2022  
& Majlis Pelancaran Buku Petua  
Menuntut Ilmu*



Perhimpunan Bulanan PNM Bil. 1/2022



Program Tanggungjawab Sosial Korporat



Majlis Penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca 2022

# SIDANG REDAKSI

# PUSTAKA

## BULETIN PNM

### PENAUNG

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab

### KETUA EDITOR

Puan Suhaila binti Abd Rahman

### EDITOR

Encik Rowland Arah

### KOORDINATOR PENERBITAN

Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff

Puan Nur Amirah binti Anuar

### PENOLONG KOORDINATOR PENERBITAN

Puan Hafizatul Mushadah binti Mohamed Yusa

Cik Nur Amalina binti Mohamad

Encik Ahmad Zaki bin Zakaria

### FOTOGRAFI

Bahagian Sumber Elektronik



© Perpustakaan Negara Malaysia, 2022

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia, -1985 -.

-Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .

Tahunan

ISSN 0128-8679

1.Libraries, National --Malaysia. 2.Corporation reports.

# KANDUNGAN

## PROGRAM & AKTIVITI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

MISI PASCA BANJIR SUKARELAWAN MOTAC	5
PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) PNM	8
PERHIMPUNAN BULANAN PNM BIL. 1/2022	9
KUNJUNGAN HORMAT UNIT INTEGRITI FELCRA BERHAD	14
MAJLIS SUMBANGAN PUSPANITA MOTAC	15
SENAMROBIK KELAB PNM	15
RIANG RIA CUTI SEKOLAH	16
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAB PNM KE-43	21
BENKEL PEMBANGUNAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SME)	23
AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015	24
MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA KUMPULAN PELAKSANA 2022 PNM	24
DR. BUKU: PENGENALAN KEPADA PEMELIHARAAN DAN KAWALAN PERSEKITARAN	24
WACANA MANUSKRIP MELAYU BIL. 1/2022 DAN PELANCARAN BUKU PETUA MENUNTUT ILMU	25
MAJLIS PENYERAHAN BAUCAR BUKU SEMARAK MEMBACA 2022	27
SEMARAK IQRA' SEMPENA QURAN HOUR 2022	29
JOM BACA BERSAMA 10 MINIT	31

## UCAPAN & PENGHARGAAN

PELANTIKAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA YBRS. ENCIK EDY IRWAN ZULKAFI	3
PETUGAS KAUNTER CEMERLANG JANUARI HINGGA MAC 2022 CIK NUR DALILA ZAINAL	4

## EKSPLORASI DIGITAL

EKSPLORASI DIGITAL U-PUSTAKA OVERDRIVE & PRESS READER	33
EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA EBSCOHOST & SAGE	34
EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA BLISS & I-LEARN ACE	35
EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA A-Z RAZ KIDS	36

## HEBAHAN & PROMOSI PNM

HEBAHAN KOLEKSI MANUSKRIP MELAYU	36
HEBAHAN SUMBER ELEKTRONIK	37
HEBAHAN MUTIARA KATA UNIT INTEGRITI	37
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021	38
BUKU TERLARIS 2021	39
SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH	40
MAJLIS BERSAMA JABATAN EKSA	41
	42

*Tahniah*

**YBRS. ENCIK EDY IRWAN  
BIN ZULKAFLI**

atas pelantikan sebagai

**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

berkuat kuasa mulai  
1 Mac 2022

Ikhlas daripada  
Seluruh warga  
Perpustakaan Negara Malaysia



# *Tahniah*

**CIK NUR DALILA BINTI ZAINAL**  
**Penolong Pustakawan**  
**Bahagian Pinjaman**  
**Perpustakaan Negara Malaysia**

**PETUGAS KAUNTER**  
**CEMERLANG**  
Januari - Mac 2022



MISI BANTUAN PASCA BANJIR

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

**SUKARELAWAN  
PNM@**

**SMK TAMAN SRI MUDA,  
SHAH ALAM**



# “ BERAT MATA MEMANDANG, BERAT LAGI BAHU MEMIKUL”

Cakna dengan situasi banjir yang berlaku di Taman Sri Muda, Shah Alam pada Januari 2022 yang lalu, seramai 23 sukarelawan PNM yang terdiri daripada gabungan kakitangan dan sukarelawan Perpustakaan Negara Malaysia bersama-sama menyantuni mangsa banjir dengan melaksanakan misi bantuan pasca banjir di SMK Taman Sri Muda, Shah Alam.

Khidmat bantuan sukarelawan yang bermula pada 10 hingga 11 Januari 2022 memfokuskan kepada menambah baik dan menceriakan persekitaran sekolah serta membuat pelupusan, penyusunan dan pengemaskinian bahan bacaan dan menceriakan pusat sumber sekolah.

Pada hari pertama, pelaksanaan khidmat bantuan sukarelawan adalah mengecat bilik darjah, mengecat bengkel kemahiran hidup dan bilik kokurikulum yang rosak akibat banjir. Operasi hari kedua melibatkan kerja mengemas, mengecat dan membersihkan bilik Pendidikan Jasmani, dewan sekolah, pasu bunga di kawasan sekolah dan melaksanakan pelupusan bahan di Pusat Sumber Sekolah. Sebanyak 4,000 naskhah bahan perpustakaan telah berjaya dilupuskan mengikut tatacara pelupusan bahan perpustakaan.

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Komunikasi Korporat, Puan Siti Zubaidah Ahmad turut menyampaikan 300 buah bahan bacaan ringan yang disumbangkan oleh PNM kepada YBhg. Datuk Magendran M. Munisamy, Pengetua SMK Taman Sri Muda, Shah Alam. Diharapkan kerja-kerja kesukarelawanan yang dilaksanakan dapat meringankan sedikit beban guru-guru sekolah dalam memperbaiki dan menceriakan sekolah selepas banjir melanda.

PNM turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua sukarelawan terlibat dalam program tanggungjawab sosial korporat PNM sama ada secara langsung atau tidak langsung dan berharap khidmat bakti yang dihulurkan memberi sedikit kelegaan kepada pihak sekolah.



Kerja mengalihkan rak-rak penyimpanan bahan sebelum kerja mengecat bermula.



Sukarelawan PNM, Puan Ema sedang mengecat dinding bengkel.



Encik Raszman dan Encik Hanif sedang mengecat dinding stor pendidikan jasmani.



Aktiviti mengecat dan keceriaan pasu bunga di kawasan sekolah.



Aktiviti pelupusan bahan perpustakaan di Pusat Sumber SMK Taman Sri Muda, Shah Alam.



Encik Shukri sedang memotong kertas pasir bagi tujuan kemasan permukaan meja kayu.



Encik Kamaruzzaman dan Encik Fais tekun membuat kemasan cat dinding di bengkel kemahiran hidup.

**PROGRAM YANG  
MENDEKATKAN  
ANDA DENGAN  
KERJA  
KEMASYARAKATAN  
DAN MENDIDIK  
MINDA KE ARAH  
PEMBELAJARAN  
SEPANJANG HAYAT**

**Berminat?  
Sila imbas kod QR  
untuk pendaftaran**



Pinjaman buku  
sebanyak 10 buah  
selama 6 minggu



Berpeluang  
menyertai semua  
program anjuran  
PNM



Menyertai kursus  
anjuran PNM  
tanpa dikenakan  
bayaran



Sijil penghargaan  
sukarelawan PNM



Cenderahati



## MISI BANTUAN PASCA BANJIR

SUKARELAWAN  
MOTAC

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)

#MyMOTAC  
#MySeniBudaya  
#MalaysiaTrulyAsia  
#ComingBackStronger  
#KeluargaMalaysia  
#BekerjaUntukRakyat

Pasukan sukarelawan MOTAC terus mempergiat misi bantuan banjir di sekitar daerah Kuala Langat. Seramai 11 orang wakil PNM menyertai misi bantuan banjir Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 5 Januari lalu. Kesiapsiagaan sukarelawan PNM telah diselaraskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM) PNM.

Misi sukarelawan MOTAC kali ini melibatkan kerja pembersihan kawasan Dewan Badminton Kamunting MBSA, Seksyen 25 Taman Sri Muda, Shah Alam. Para sukarelawan telah membersihkan dewan dan kawasan sekitar yang terjejas teruk akibat banjir.

Misi ini sejajar dengan nilai dan ciri dalam konsep Keluarga Malaysia keterangkuman yang memperlihatkan semangat gotong-royong dalam kalangan keluarga MOTAC yang sedikit sebanyak dapat meringankan beban serta memberikan sokongan kepada golongan yang terkesan.



Sekitar aktiviti membersihkan Dewan Kamunting MBSA Sek. 25 Shah Alam.



# MAJLIS PERHIMPUNAN PNM BIL. 1 /2022

24 JANUARI 2022 | ARAS 10, MENARA PNM

ANJURAN SUB AKTIVITI PERKHIDMATAN KORPORAT & BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasih Abdul Wahab bersama-sama barisan pengurusan PNM dan pegawai lantikan baharu di Majlis Perhimpunan Bulanan PNM Bil. 1/2022

## AMANAT KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

### MUKADIMAH

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berhimpun dalam Perhimpunan Bulanan PNM Bil1/2022 pada pagi yang harmoni ini.

Tahun 2021 berlalu begitu pantas berlalu namun kita berjaya mengharunginya dengan tabah dan semangat kerjasama. Kebanyakan program dan aktiviti yang dirancang pada tahun lalu telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Sejuta penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua warga PNM di atas sokongan padu tuan-tuan dan puan-puan sekalian menjayakan segala program dan aktiviti Jabatan pada tahun lalu.

Kini kita telah melangkah ke tahun 2022 dan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh warga PNM. Semoga tahun 2022 memberikan semangat baru kepada kita semua untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi



Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kanan BPSA, Encik Charles Brilee.

INTIPATI MAJLIS

- IKRAR PERKHIDMATAN AWAM
- AMANAT KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
- PELANCARAN E-BUKU PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI PNM 2021-2025: EDISI KEMASKINI
- TAYANGAN VIDEO IMBASAN AKTIVITI PNM 2021
- PENGUMUMAN: KENAIKAN PANGKAT PERTUKARAN PERSARAAN MENINGGAL DUNIA
- PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN PEGAWAI BAHARU GRED 19
- SESI PERKENALAN PEGAWAI BAHARU
- SESI PEMOTONGAN KEK SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU 2022

# BULANAN



## BENCANA BANJIR

Penghujung Disember Tahun 2021 yang lalu, kita telah diuji dengan bencana banjir yang agak luar biasa terutama di negeri Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan beberapa negeri lain. Bencana ini telah memusnahkan harta benda 10 orang warga PNM. Saya berasa amat sedih dan dukacita dengan bencana ini dan semoga mereka yang terjejas akibat banjir tabah menghadapi ujian ini. Percayalah, di sebalik tragedi dan kesedihan, musibah banjir ini telah menyerlahkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga PNM tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan pangkat.



Tangkap layar video imbasan PNM sepanjang tahun 2021.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan serta individu-individu yang bermurah hati dalam memberi sumbangan sama ada melalui Kelab PNM, PUSPANITA MOTAC dan PUSPANITA PNM dan bertungkus lumus membantu dan menyelaraskan misi bantuan semasa banjir serta melakukan kerja-kerja pemulihan pasca banjir antaranya di Hulu Langat, Sri Muda, Shah Alam khususnya Sekolah Menengah Sri Muda Shah Alam dan juga Segamat Johor.

Disamping itu juga, mantan-mantan Pengurusan PNM juga turut menyampaikan sumbangan kepada staf PNM yang terkesan banjir ini. Terima kasih dirakamkan atas keprihatinan mereka. Anda semua adalah wira-wira yang tidak didendang. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

## PENCAPAIAN TAHUN 2021

Pada tahun 2021, walaupun diuji dengan pelbagai dugaan, PNM tetap berjaya melaksanakan 80 program galakan membaca iaitu sebanyak 16 program utama dan 64 program sederhana dengan melibatkan penyertaan sebanyak 33,662 tontonan. Program yang dilaksanakan ini adalah secara fizikal dan dalam talian bersesuaian dengan norma baharu ketika ini.

Antara pencapaian terbesar PNM pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

- Pengurusan Kewangan yang efektif yang mana, PNM telah menerima peruntukan wang berjumlah RM162,224,470.16 bagi belanja mengurus termasuk Dasar Sedia Ada, One-Off dan Program Khusus. PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM160,525,080.88 dengan peratus perbelanjaan sebanyak 98.95%;
- Sambutan 10 Tahun u-Pustaka bermula 31 Mac sehingga 31 Disember 2021 dengan kerjasama 11 perpustakaan konsortium u-Pustaka;
- Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca bermula 21 Oktober sehingga 15 November 2021 dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan disokong oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) serta Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA) telah berjaya melaksanakan Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca bermula pada 21 Oktober hingga 30 November 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00;
- Pameran Realiti Maya (VR) dan Realiti Terimbuh (AR) Rumah Melayu Tradisional Berinspirasi Manuskrip Melayu Petua Membina Rumah bertujuan mengetengahkan ilmu pengetahuan seni bina rumah Melayu tradisional dan menonjolkan koleksi manuskrip khususnya berkaitan petua membina rumah serta lain-lain manuskrip yang berkaitan menerusi penggunaan teknologi VR dan AR yang dibangunkan berasaskan web;
- Program Negara Membaca bermula Julai sehingga Oktober 2021 yang memfokuskan 4 program utama iaitu Program Pencinta Buku, Pertandingan Famili Malaysia Membaca, Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan dan Travelog Membaca;

- International Storytelling Festival Malaysia (ISFM) 2021 bermula 24 sehingga 28 Ogos 2022. Merupakan program bercerita secara dalam talian yang mengetengahkan 12 pencerita terkenal dari 11 negara antaranya termasuklah pencerita daripada Malaysia, United Kingdom, Thailand, Korea Selatan, Turki, Amerika Syarikat, Iran, India, Australia, Indonesia dan Jepun bagi tujuan pertukaran pengalaman, pengetahuan kepelbagaian teknik serta persembahan bercerita kepada masyarakat Malaysia dan luar negara;
- Program Semarak Iqra dengan kerjasama JAKIM yang telah berlangsung pada 24 Ramadan 1442H bersamaan 6 Mei 2021. Program ini juga dijalankan sempena Program WORLD #Quran Hour yang dilaksanakan setiap tahun dan diterajui oleh Yayasan Warisan Ummah Ikhlas; dan
- Perisytiharan lima (5) Manuskrip Melayu milik Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Seksyen 67(1) Akta 645 bertarikh 5 November 2021 dengan No. Warta [P.U. (A) 414].

Selain itu terdapat juga program secara dalam talian yang diadakan secara berkala oleh PNM iaitu Program Negara Membaca@PNM, Kuiz Celik Maklumat, Uji Jawi, Rancangan Klinik Jawi, Bengkel Eksplorasi Digital dan Aktiviti *Fun & Learn*.

## FOKUS UTAMA PNM TAHUN 2022

Di awal tahun ini, marilah kita merenung kembali dan membuat penilaian terhadap prestasi dan pencapaian PNM sepanjang tahun lalu untuk kita memperbaiki setiap kekurangan yang ada demi mencapai matlamat yang dicita-citakan.

Pada tahun 2022 ini, saya sebagai Ketua Pengarah mengharapkan agar PNM terus cemerlang. Sehubungan itu, fokus utama yang akan difokuskan adalah seperti berikut.

- Meneraju dan memperkasakan Profesion Kepustakawanan dan Industri Buku;
- Memartabatkan budaya buku sebagai entiti budaya yang mencerdaskan kebijaksanaan manusia sekaligus melahirkan masyarakat yang berbudaya tinggi; dan
- Penyelidikan dan Hakcipta melalui pelaksanaan kajian industri buku, aktiviti perbukuan dan pembacaan serta pelaksanaan projek pendigitalan

Manakala fokus berterusan adalah seperti berikut:

- Pemerkasaan Kepimpinan dan Pembangunan Modal Insan; dan
- Perluasan kerjasama peringkat Antarabangsa.

Bagi pelaksanaan program pula, PNM telah merancang sebanyak 35 program/aktiviti galakan membaca iaitu 11 program utama dan 24 program sederhana yang akan dijalankan secara hibrid dan dalam talian bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu PNM juga turut menerima peruntukan sebanyak RM600,000.00 untuk program di bawah Sektor Kebudayaan iaitu Kalam

Karyawan (Julai 2022), Program Dariku Untukmu (Julai-Oktober 2022), Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2022 (Ogos 2022) dan Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022 (Oktober 2022).

Diharapkan agar program/aktiviti yang akan dilaksanakan ini dapat menyemarak dan memperkukuhkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia serta dapat menarik minat 'pembaca-pembaca baharu'. Ini selari dengan hasrat Kerajaan menerusi Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) iaitu ke arah mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara membaca menjelang 2030 dan menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia.

### PERUNTUKAN KEWANGAN

Tahun 2022 ini akan menyaksikan lebih banyak program dan aktiviti yang akan dilaksanakan. Peruntukan Belanja Mengurus Jabatan pada tahun ini telah bertambah sebanyak RM2.3 juta daripada RM43.5 juta (2021) kepada RM45.8 juta (2022). Jabatan ini juga telah diluluskan peruntukan di bawah Program Khusus - Perpustakaan Desa berjumlah RM42.5 juta. Keseluruhan, Jabatan Perpustakaan Negara perlu membelanjakan sejumlah RM88.3 juta untuk aktiviti terancang pada tahun 2022 ini.

Dalam membelanjakan peruntukan ini, kita hendaklah sentiasa berhemah, mematuhi dasar, peraturan dan prosedur kewangan kerajaan yang telah ditetapkan serta tidak melebihi peruntukan yang telah disediakan.

### PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001: 2015

Bercakap tentang kualiti, dimaklumkan bahawa Sijil MS ISO 9001:2015 akan tamat tempoh pada 8 April 2022. Jabatan perlu melaksanakan Audit Pensijilan Semula daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang dijangka untuk diadakan pada 29-31 Mac 2022 ini.

Bagi persediaan audit pensijilan semula ini, saya memohon agar semua Timbalan Pengarah/ Ketua Bahagian bertanggungjawab untuk mengingatkan kakitangan di bawah seliaan masing-masing tentang fungsi Jabatan seperti visi, misi, objektif penubuhan PNM dan objektif kualiti Bahagian serta prosedur di bawah tanggungjawab Bahagian masing-masing dari masa sekarang.

### INTEGRITI

Isu integriti penjawat awam bukanlah satu isu baharu yang perlu dipandang ringan. Sebagai seorang penjawat awam persekutuan, kita perlulah mematuhi setiap peraturan, garis panduan dan arahan yang telah dan akan dilaksanakan. Ketirisan integriti akan membawa kepada pelbagai isu lain yang boleh menjejaskan imej kita sebagai penjawat awam.

Ingin saya tekankan di sini bahawa amalan ataupun budaya yang tidak berintegriti haruslah dihentikan bagi memastikan imej Jabatan dan Kementerian dapat dipelihara dengan sebaiknya. Penggunaan media sosial peribadi haruslah mematuhi norma dan etika sebagai penjawat awam.

Pernyataan-pernyataan yang memburukkan Jabatan dan Kementerian perlulah dielakkan. Gunakanlah saluran yang betul yang telah tersedia sekiranya ada ketidakpuasan hati terhadap pihak Jabatan mahupun Kementerian supaya perkara tersebut dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan pada 8 Jun 2018 berkenaan dengan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia, di bawah "Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam", inisiatif pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) diwujudkan. Ianya merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat Jabatan yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Sehubungan itu, saya dengan ini mengambil kesempatan untuk melancarkan e-buku Pelan Antirasuah Organisasi Perpustakaan Negara Malaysia 2021-2025 - Edisi Kemaskini yang telah selesai dilaksanakan. Buku tersebut yang boleh dirujuk di dalam laman web Jabatan bertujuan untuk menangani tiga (3) isu utama iaitu rasuah, integriti dan tadbir urus.

Lima (5) bidang keutamaan diwujudkan dan inisiatif-inisiatif dibangunkan meliputi inisiatif jangka masa pendek (1-2 tahun) dan inisiatif jangka masa panjang (3-5 tahun). Bahagian-bahagian di PNM yang bertanggungjawab bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang disenaraikan dinyatakan dalam pelan tindakan ini. Pelan ini perlu dipantau daripada aspek mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian turut dinyatakan dalam OACP PNM 2021-2025 ini bagi memastikan Pelan ini berjaya.

Sekalung penghargaan kepada Unit Integriti, Perpustakaan Negara Malaysia yang telah menyelesaikan pembangunan inisiatif tersebut di peringkat Jabatan khususnya kepada mantan Ketua Unit Integriti, Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff selaku urus setia pembangunan pelan tersebut. Terima Kasih diucapkan.

### PENEMPATAN PEGAWAI BAHARU

Dimaklumkan pada tahun 2021 dan Januari 2022 PNM telah menerima kakitangan baru dari pelbagai gred. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua lantikan baru yang telah berjaya dilantik untuk berkhidmat di Perpustakaan Negara Malaysia;

Saya mengharapkan agar anda semua yang baru dilantik ini sentiasa akur dan mematuhi setiap arahan yang telah dan akan dilaksanakan. Pelanggaran tata kelakuan seperti tidak bertanggungjawab, cuai, memburukkan nama baik jabatan di media sosial, ingkar perintah penyelia dan lain-lain pelanggaran pematuhan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Anda merupakan duta PNM, pematuhan kepada kepentingan *stakeholder* di Jabatan amatlah penting demi menjaga imej Jabatan di peringkat Perkhidmatan Awam secara amnya.



Encik A. Azli menyambut ketibaan Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasih binti Abdul Wahab diiringi oleh Encik Edy Irwan bin Zulkafli dan Puan Suhaila binti Abd Rahman.



Ketua Pengarah menyampaikan watikah penempatan kepada 32 orang pegawai baharu gred S19.



Nyanyian lagu Negaraku oleh kakitangan PNM yang hadir secara fizikal di Aras 10, Menara PNM.



Sesi pemotongan kek sempena Tahun Baru bersama barisan Pengurusan PNM



**PERHIMPUNAN BULANAN  
PNM BIL. 1 TAHUN 2022**

**TARIKH: 24 JANUARI 2022 (ISNIN)  
MASA: 8.30 PAGI**



Gambar kenang-kenangan wakil Perpustakaan Negara Malaysia bersama tujuh (7) orang staf Unit Integriti FELCRA Berhad.



Encik Rahman Sharif daripada Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu memberi penerangan berkaitan manuskrip Melayu.



Puan Rabiah Mohd Ali sedang menyampaikan taklimat pengendalian manuskrip Melayu.



Penerangan pemuliharaan bahan manuskrip oleh Puan Norsuziyana dan Encik Syaza.

## KUNJUNGAN HORMAT

# UNIT INTEGRITI FELCRA BERHAD

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menerima Kunjungan Hormat daripada Unit Integriti FELCRA Berhad pada 25 Julai 2022.

Taklimat ringkas oleh Ketua Bahagian Komunikasi Korporat Perpustakaan Negara Malaysia dan sesi penyerahan buku Pelan Anti-Rasuah FELCRA Berhad (FELCRA Berhad Anti-Corruption Plan) FACP 2021-2025 telah disampaikan oleh Tuan Azlan bin Abd Aziz, Ketua Pegawai Integriti FELCRA Berhad.

Penyerahan buku FACP 2021-2025 selaras dengan Akta 331- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 di mana setiap terbitan berdaftar hendaklah diserahkan kepada PNM sebanyak 5 naskhah.

Unit Integriti FELCRA dibawa melawat Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi dan Bahagian Pemuliharaan dalam lawatan tersebut.



Penerima sumbangan bergambar bersama Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, pegawai PNM dan ahli Jawatankuasa PUSPANITA cawangan PNM.

## MAJLIS SUMBANGAN PUSPANITA MOTAC KEPADA MANGSA BANJIR

Majlis penyampaian sumbangan PUSPANITA MOTAC kepada mangsa banjir kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan pada 17 Januari 2022 bertempat di Bilik Serbaguna, Aras 15, Menara PNM. Dalam majlis tersebut, Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasiah Abdul Wahab selaku penaung PUSPANITA cawangan PNM diiringi Timbalan Ketua Pengarah, YBrs. Encik Edy Irwan dan Penasihat PUSPANITA Cawangan PNM, Puan Suhaila Abd Rahman menyampaikan sumbangan kepada kakitangan PNM yang terjejas akibat banjir.

## JOM SENAMROBIK!

Aktiviti sihat Jom Senamrobik anjuran Kelab PNM dan PUSPANITA PNM telah diadakan pada 17 Januari 2022 bertempat di Aras 10, Menara PNM. Senamrobik kali ini bertemakan warna ungu selaku pembuka tirai bagi tahun ini dalam mencapai misi #cabaransihat60minit.

Jom Senamrobik Bil. 2 2022 telah dianjurkan pada 14 Februari 2022 di lokasi yang sama bermula pada pukul 4.00 petang. Senamrobik kali ini bertemakan warna kuning. Aktiviti ini merupakan kesinambungan Jom Senamrobik yang dijalankan pada Januari lalu dalam mencapai misi #cabaransihat60minit.



Peserta terdiri daripada ahli kelab PNM dan PUSPANITA Cawangan PNM



Peserta senamrobik tertumpu kepada gerakan pelbagai mengikut rentak lagu



# RIANG RIA CUTI SEKOLAH

Riang Ria Cuti Sekolah@PNM kembali lagi dengan membawakan 10 aktiviti menarik sepanjang Februari hingga Mac 2022. Aktiviti yang dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform zoom meeting dan YouTube PNM TV Channel.

**26 Februari 2022**

*Senang Code by  
i-train kids  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**3 Mac 2022**

*Kraf Kreatif:  
Kraf Kertas  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**8 Mac 2022**

*Kraf Kreatif:  
Beg Kertas  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**12 Mac 2022**

*Senang Code by  
i-train kids  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**17 Mac 2022**

*Kraf Kreatif:  
Origami  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**1 Mac 2022**

*Mari Mewarna Bersama  
Uncle Nai  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**5 Mac 2022**

*Senang Code by  
i-train kids  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**10 Mac 2022**

*Seronoknya  
Matematik!  
10.00 pagi - 12.00 tengah hari*

**15 Mac 2022**

*Dengarkan Ceritaku  
Bersama Kak Sue  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

**19 Mac 2022**

*Senang Code by  
i-train kids  
10.00 pagi - 11.00 pagi*

# MARI MEWARNA BERSAMA UNCLE NAI




Sila imbas kod QR untuk akses video tersebut.

Aktiviti kanak-kanak Mari Mewarna bersama Uncle NAI telah berlangsung pada 1 Mac 2022 yang lalu menerusi pelantar dalam talian YouTube PNM TV Channel. Bengkel mewarna ini memberi pendedahan jenis-jenis cat air, campuran warna dan kertas bersesuaian diikuti dengan teknik-teknik mewarna yang betul.



### BEG KERTAS LADYBUG




# KRAF KREATIF: BEG KERTAS



Sila imbas kod QR untuk akses video tersebut.

### BEG KERTAS BURUNG HANTU

Kraf 2 - Beg Kertas (OWL PAPERBAG)



Tangkap layar sesi Kraf Kreatif yang diadakan pada 3 dan 8 Mac 2022 dalam menghasilkan beg kertas *ladybug*, beg kertas burung hantu, kraf ikan emas dan kraf obor-obor.

# KRAF KREATIF: HAIWAN




Sila imbas kod QR untuk akses video tersebut.

### KRAF IKAN EMAS



### KRAF OBOR-OBOR



# MARI DENGARKAN CERITA KU BERSAMA KAK SUE

Aktiviti kanak-kanak Mari Dengarkan Cerita Ku Bersama Kak Sue telah berlangsung pada 15 Mac 2022 yang lalu menerusi pelantar dalam talian YouTube PNM TV Channel. Sesi bercerita tersebut boleh diakses dengan mengimbas kod QR. Penonton cilik diceritakan dengan dua buah cerita menarik iaitu cerita Sang Kancil dan Sang Monyet serta cerita Katak Yang Jahat. Penghayatan cerita menarik daripada kak sue secara tidak langsung memberi impak kepada perkembangan psikologi awal kanak-kanak.



Sila imbas kod QR untuk akses video tersebut.



Tangkap layar Kak Sue sedang menyampaikan cerita Sang Kancil dan Sang Monyet kepada penonton fizikal dan maya.




Tangkap layar Kak Sue sedang menyampaikan cerita kedua iaitu Katak Yang Jahat.

# SERONOKNYA MATEMATIK!

Pada 10 Mac 2022, Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan bengkel dalam talian Seronoknya Matematik! sempena program Riang Ria Cuti Sekolah@PNM. Bengkel tersebut berlangsung secara maya menerusi YouTube PNM TV Channel yang boleh diakses dengan mengimbas kod QR tertera. Bengkel ini memberi pendedahan menggunakan formula matematik dengan betul yang disampaikan oleh Dr. Husniza binti Hussain. Perkongsian teknik asas dan tips belajar ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kanak-kanak dalam subjek Matematik. Mod pembelajaran bengkel secara santai menjadikan matematik mudah, pantas dan menyeronokkan.



Sila imbas kod QR untuk akses video tersebut.



Tangkap layar sekitar bengkel Seronoknya Matematik! formula penomboran tangan oleh Dr. Husniza dan moderator dari CMN Academy.



Gimik majlis pelancaran Mesyuarat Agung Tahunan Ke-43 oleh Timbalan Ketua Pengarah, Encik Eddy Irwan Zulkafli.

# *Sehati Sejiwa Bahagia Bersama*

**MESYUARAT AGONG TAHUNAN KE-43**

# **KELAB PNM**



Penyerahan hadiah cabutan bertuah oleh YDP Kelab PNM, Puan Anis binti Mat Saad.



Sesi cabutan nombor bertuah.



Sesi pembentangan dan pelaporan aktiviti kelab PNM bagi tahun 2021.

Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Ke-43 telah berlangsung dengan jayanya pada 21 Februari 2022 (Isnin) bertempat di Aras 10, Menara PNM. Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Kelab PNM, Puan Anis Mat Saad.

Ucapan dan gimik perasmian telah disempurnakan oleh oleh Timbalan Ketua Pengarah, Encik Edy Irwan Zulkafli selaku wakil penaung kelab merangkap Ketua Pengarah, YBrs. Puan Salasiah Abdul Wahab.

Mesyuarat kali ini bertemakan "Sehati Sejiwa Bahagia Bersama" seiring dengan tujuan kelab sebagai medium utama para ahli kelab untuk mengeratkan silaturahim antara kakitangan perpustakaan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ahli-ahli Kelab PNM secara fizikal dan dalam talian.

Tahniah diucapkan kepada semua Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM 2021/2023 dan selamat menjalankan tugas!

## Barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM 2021/2023

- ▶▶▶ Yang Dipertua  
Puan Anis binti Mat Saad
- ▶▶▶ Naib Yang Dipertua  
Encik Mohamad Sharizal bin Omar
- ▶▶▶ Bendahari Kehormat  
Encik Muhammad Hisyamuddin bin Mohamed Noor
- ▶▶▶ Naib Bendahari Kehormat  
Cik Rokiah binti Kassim
- ▶▶▶ Setiausaha Kehormat  
Puan Junaidah binti Rosliy
- ▶▶▶ Naib Setiausaha Kehormat  
Puan Rabiah binti Mohd Ali
- ▶▶▶ Pengerusi Biro Keahlian  
Cik Azfaradila binti Zainal Abidin
- ▶▶▶ Pengerusi Biro Kebajikan  
Puan Sofia binti Osman
- ▶▶▶ Pengerusi Biro Ekonomi  
Puan Ummi Syarni binti Rifaie
- ▶▶▶ Pengerusi Biro Sosial dan Kebudayaan  
Cik Noor Hazwani binti Warmal
- ▶▶▶ Pengerusi Biro Agama  
Encik Mohammad Hafazah bin Mohd Azraai
- ▶▶▶ Pengerusi Biro Sukan  
Encik Mohd Shokry bin Abd Rahman
- ▶▶▶ Juruaudit I  
Puan Norsyaza Liyana binti Bunny Linoby
- ▶▶▶ Juruaudit II  
Dr. Adam Zulkarnain bin Saleng



Barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM bagi sesi 2021/2023.



Sekitar Bengkel Pembangunan Pakar Bidang Khusus (SME) yang melibatkan kumpulan pengurusan dan profesional Perpustakaan Negara Malaysia.



## BENGGEL PEMBANGUNAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SME)

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Bahagian Pembangunan Modal Insan telah berjaya menganjurkan Bengkel Pembangunan Pakar Bidang Khusus (SME) pada 23 Februari 2022 bertempat di Bilik Syarahan 1, Aras 5 Anjung Bestari. Bengkel ini bertujuan memperkukuhkan pembangunan sumber manusia dan penyampaian perkhidmatan yang terancang secara khusus dan berteraskan pembangunan kompetensi serta pembelajaran berterusan bagi kumpulan pengurusan dan profesional.



## AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015



Pelaksanaan Audit Pensijilan semula MS ISO 9001:2015 bagi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah berlangsung selama 3 hari iaitu 21 hingga 23 Mac 2022 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Skop pelaksanaan SPK MS ISO 9001:2015 meliputi perkhidmatan perpustakaan melalui pembinaan, pendokumentasian dan ketersediaan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan untuk penggunaan masyarakat kini dan akan datang.

Pembentangan laporan akhir telah dilaksanakan pada 23 Mac 2022 yang dipengerusikan oleh YBrs. Encik Edy Irwan Zulkafli selaku wakil pengurusan serta barisan pengurusan dan auditor SIRIM.

## MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA KUMPULAN PELAKSANA 2022 PNM



Sekitar Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pelaksana 2022 Perpustakaan Negara Malaysia bertempat di Dewan Aras Empat, Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 24 Mac 2022. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh En. Shaiful Azli Mahamad Noor, Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia. Mesyuarat ini diadakan bagi bertemu dan berbincang bersama kumpulan pelaksana yang bertanggungjawab terhadap perpustakaan gunasama.


## Dr. Buku PENGENALAN KEPADA PEMELIHARAAN DAN KAWALAN PERSEKITARAN



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Bahagian Pemuliharaan telah menganjurkan program Dr. Buku: Pengenalan kepada pemeliharaan dan kawalan persekitaran pada 15 Mac 2022 yang lalu secara dalam talian melalui YouTube PNM TV Channel.

Sesi Dr. Buku ini disampaikan oleh Encik Tamimi Taib, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pemuliharaan bagi memberikan dan berkongsi panduan berkaitan pelaksanaan kawalan bahan dan persekitaran. Penerangan ini tertumpu kepada agensi dan institusi yang mempunyai koleksi tersendiri seperti perpustakaan, arkib dan muzium.

Pemuliharaan bahan perlu memastikan kesiapsiagaan dengan memakai pakaian khusus makmal, sarung tangan getah dan pelitup muka ketika mengendalikan bahan. Pemeliharaan bahan merupakan proses dan aktiviti penyenggaraan yang dilakukan oleh petugas di tempat penyimpanan yang sempurna sebagai pencegahan daripada sebarang kerosakan.



Turut dipaparkan kesan-kesan dan tindak balas berdasarkan faktor kelembapan, ancaman suhu kepada bahan sensitif. Sesi tersebut boleh diakses dengan mengimbas kod QR.



Sila imbas kod QR untuk akses video tersebut.



Gimik pelancaran Buku Petua Menuntut Ilmu yang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah PNM, YBrs. Encik Edy Irwan Zulkafli disaksikan Pengarah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat, Encik Faizal Hilmie Yusof dan Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif.

## Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2022 & Majlis Pelancaran Buku Petua Menuntut Ilmu

Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2022 dan Majlis Pelancaran Buku Petua Menuntut Ilmu telah dilaksanakan pada 24 Mac 2022 bertempat di Aras 10, Menara PNM. Wacana tersebut dikendalikan secara hibrid dan turut disiarkan secara langsung menerusi saluran YouTube PNM TV Channel. Wacana ini telah dianjurkan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerusi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu.

Wacana Manuskrip Melayu merupakan program utama PNM yang diadakan saban tahun berkonsepkan ceramah atau syarahan ilmu oleh pakar manuskrip Melayu yang mengetengah ilmu pengetahuan bersumberkan manuskrip Melayu. Pengisian program ini merupakan strategi pelan tindakan berterusan bagi mempromosikan manuskrip Melayu kepada masyarakat umum.

"Penuntut ilmu hendaklah mendatangi ilmu dan bukan sebaliknya ilmu mendatangi kita" ujar YBrs. Encik Edy Irwan Zulkafli sewaktu ucapan pelancaran.

Majlis Pelancaran Buku Petua Menuntut Ilmu telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah PNM, YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli. Turut hadir, Pengarah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat, Encik Faizal Hilmie serta pengarang bersama buku tersebut iaitu Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Bin Mohd Zarif dan Dr. Mohd Anuar Bin Mamat.

Buku Petua Menuntut Ilmu merupakan hasil kajian, transliterasi dan penulisan daripada manuskrip MSS 2906 (B) Tibyan Al-Maram Talibah Al-Talabah yang merupakan kitab berbahasa Arab yang mempunyai terjemahan antara baris.

Dua orang penceramah yang merupakan penulis bersama daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Universiti Sains Islam Malaysia iaitu Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu PNM bersama Dr. Mohd Anuar bin Mamat mewacanakan hasil kajian berkaitan kaedah menuntut ilmu berdasarkan catatan ilmuwan terdahulu.

Buku ini merupakan kupasan berkenaan adab seorang murid berbuat baik kepada gurunya. Keperluan seorang murid untuk berkhidmat pada gurunya dalam memperoleh keberkatan ilmu. Buku ini mengandungi enam fasal yang merangkumi hakikat ilmu dan kelebihanannya; ikhlas dan niat menuntut ilmu; memilih ilmu dan guru; memuliakan ilmu; bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dan menghela rezeki dan memurahkannya.

Peserta wacana berpeluang memiliki buku petua menuntut ilmu dengan kadar diskaun menarik sebanyak 20% sempena majlis pelancaran buku tersebut. Pameran Mini Manuskrip Melayu Petua Menuntut Ilmu turut mempamerkan manuskrip MSS 2906 (B) Tibyan Al-Maram Talibah Al-Talabah untuk tontonan awam.

*Apa tanda batang tebu,  
Batang tebu halus uratnyanya,  
Apa tanda orang berilmu,  
Orang berilmu halus sifatnya.*

Harun Mat Piaah, 2004.



Penerangan Prof. Dr. Muhammad Mustaqim berkenaan kaedah penyimpanan terdahulu manuskrip MSS 2906 (B) yang mempunyai tiga (3) teks yang mempunyai sekitar 230 lembaran.

Penceramah kedua, Dr. Anuar Mamat merangkumkan tujuan pengarang konsep ilmu.



Tuan Haji Hamdan Abdul Rahman mengajukan soalan berkenaan pengaruh tempatan dalam penulisan manuskrip Melayu dan kaedah mengenal pasti penggunaan makna yang lain daripada kata yang sama.



Tinjauan kaedah penulisan manuskrip Melayu oleh Tuan Haji Hamdan yang merupakan pakar tulisan Jawi Malaysia.



Jualan buku terbitan PNM menawarkan diskaun menarik sebanyak 20% sempena majlis pelancaran.



Antara peserta yang hadir secara bersemuka di Aras 10, Menara PNM.



Pameran koleksi manuskrip yang dikaji penulis dalam menerbitkan buku Petua Menuntut Ilmu.



# JOM TEBUS BAUCAR BUKU! MAJLIS PENYERAHAN BAUCAR BUKU SEMARAK MEMBACA 2022

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) telah melancarkan Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca 2022 yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri MOTAC pada 29 Mac 2022 bertempat di Aras 10, Menara PNM.

Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca 2022 ini disokong oleh rakan-rakan industri buku Malaysia seperti Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA), Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Shopee dalam usaha membantu dan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan ilmiah.

Program ini bertujuan untuk memulihkan serta merencanakan ekosistem seni, budaya dan warisan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Objektif Baucar Buku Semarak Budaya Membaca ini adalah seperti berikut:

- Membantu memulihkan dan merencanakan industri buku tempatan.
- Memberi insentif dan galakan kepada pembaca untuk membeli buku.
- Menambah bilangan pendaftaran baharu keahlian u-Pustaka.

YB Dato' Sri Hajah Nancy dalam ucapannya berkata MOTAC telah memperuntukkan agihan baucar bernilai RM10.00 setiap satu yang diedarkan kepada 371 kedai buku terdiri daripada 170 kedai buku fizikal, satu kedai buku secara dalam talian E-Sentral Ebook Portal dan 200 kedai buku e-dagang menerusi aplikasi Shopee.

Seramai 190,000 orang penerima dan layak menebus atau menikmati potongan diskaun dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM20.00 dalam satu resit transaksi. Senarai kedai buku yang terlibat boleh didapati di laman sesawang [www.semarakmembaca.com](http://www.semarakmembaca.com).

Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca yang diadakan buat kali pertama pada 21 Okt hingga 30 November 2021. Selain diskaun, penerima baucar buku juga didaftarkan sebagai ahli u-Pustaka secara automatik dan berpeluang mengakses bahan bacaan digital secara percuma pada bila-bila masa.

MOTAC berharap agar inisiatif program sebegini mampu memupuk Keluarga Malaysia dalam membudayakan amalan membaca. Ini merupakan salah satu usaha melestarikan budaya membaca dalam kalangan rakyat selaras dengan gagasan menjadikan Malaysia negara membaca menjelang 2030.



Sidang media YB Dato' Sri Hajah Nancy bersama wartawan dan rakan media yang hadir pada majlis pelancaran baucar buku.



Ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri MOTAC.



Sekitar sesi antara mesra YB Menteri MOTAC secara dalam talian bersama 10 orang wakil daripada kedai buku fizikal dan e-Dagang melalui aplikasi ZOOM.

KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Anjuran bersama:

PERPUSTAKAAN MALAYSIA

**Semarak  
IQRA'**

*Sempena*

**WORLD  
#QuranHour  
2022**

**26 April 2022 (Selasa)  
24 Ramadan 1443H  
9:00 pagi - 10:00 malam**

**Aras 10, Menara PNM  
Perpustakaan Negara Malaysia**

**SURAH  
AL-SAJDAH  
(SURAH KE 32)**

Program Semarak Iqra' 2022 telah berlangsung pada 26 April 2022 bersamaan 24 Ramadan 1443H bertempat di Aras 10, Menara PNM Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Program ini merupakan anjuran Kelab PNM dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Kecil PNM bersempena World #QuranHour. Program ini terbahagi kepada tiga segmen yang bermula pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada 10.00 malam.

Sesi tadabur kali ini memfokuskan surah Al-Sajdah (surah ke-32) yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Nadzri bin Mustaqim, Penolong Pengarah Kanan, Masjid Negara. Keseluruhan surah ini membentuk sembilan (9) keyakinan insan bersujud iaitu fungsi Al-Quran; kekuasaan dan kebesaran Allah SWT; proses penciptaan manusia; keimanan pada hari kebangkitan; azab akibat kelalaian; tersungkur sujud dan beramal soleh; ganjaran syurga dan balasan neraka; Al-Quran petunjuk jalan kebenaran; dan kekuasaan Allah SWT dan hari kemenangan.

"Andai ini ramadan terakhirku..." merupakan tajuk ceramah perdana yang disampaikan oleh Ustaz Ahmad Shahir bin Jiri, Penolong Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah, Prasekolah dan Rendah. Intipati ceramah ini mengupas tentang perkara yang seharusnya diberikan tumpuan lebih menjelang hujung Ramadan dan keseimbangan ibadah dan permohonan kemaafan perlu diperbanyakkan dalam bulan Ramadan.

Kemuncak program bersempena World #QuranHour ini ialah sesi bacaan bersama Surah Al-Sajdah yang dipimpin oleh Encik Muhammad bin Abdullah, Penolong Pengarah Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) bersama Encik Muhammad Aqif Fikri bin Sulaiman, Penolong Pustakawan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM).

Segmen kedua iaitu edaran bubur lambuk kepada seluruh warga PNM bermula pada pukul 3.00 petang. Edaran tersebut disampaikan oleh YBrs. Puan Salasiah Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM diiringi Puan Suhaila Abdul Rahman, Pengarah Perkhidmatan Korporat kepada wakil-wakil bahagian.

Segmen ketiga dimulakan dengan Klinik Hukum: Anda Tanya Ustaz Jawab. Ceramah ini dikendalikan oleh Ustaz Muhammad Fahmi bin Rusli, Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Klinik ini melibatkan interaksi soalan dan jawapan mengenai hukum agama.

Program ini diteruskan dengan sesi penyampaian sumbangan Ihyai' Ramadan dan majlis berbuka puasa. Solat maghrib diimamkan oleh Encik Mohd Hafazah selaku pengerusi Biro Agama manakala solat isyak dan tarawih dipimpin oleh Ustaz Muhammad Hamdi bin Abdul Latiff, Pengasas Pusat Rawatan Islam Darul Qalbi. Program semarak iqra selesai pada 10.00 malam dengan sajian moreh sebelum majlis bersurai.



Rangkuman Semarak Iqra'



# 6 JUTA KELUARGA MALAYSIA

## SERTAI PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) telah menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2022 secara hibrid pada 21 April 2022 bertempat di aras 10, Menara PNM dan menerusi saluran YouTube PNM TV Channel.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Dr. Santhara J.P., Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Turut serta dalam majlis ini, YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC. Program ini merupakan program galakan membaca yang diadakan bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun.

Tema yang diangkat bagi penganjuran kali ini adalah #bangkitbaca #bersyukur yang membawa pengertian selari dengan senario Malaysia kini yang berada dalam fasa peralihan endemik di mana semua keluarga Malaysia perlu bangkit dari segi ekonomi malah dalam ilmu dan pembacaan.

Detik dinanti yang merupakan kemuncak iaitu pembacaan bahan bacaan dan ilmiah serentak dilaksanakan seluruh rakyat Malaysia bermula pukul 11.00 pagi hingga 11.10 pagi.

Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan inisiatif ke arah membentuk masyarakat minat membaca walaupun dalam tempoh singkat iaitu selama 10 minit. Program ini turut dijayakan bersama oleh sektor perpustakaan di Malaysia serta mendapat sokongan dari kementerian, jabatan, agensi, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha meningkatkan pembudayaan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Antara pengisian program ini adalah persembahan deklamasi sajak "Seandai kau tahu" oleh Dr. Lim Swee Tin dan tayangan video montaj Jom Baca Bersama 10 Minit 2022. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh YBrs. Encik Edy Irwan Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM.

Majlis diteruskan dengan acara pelancaran buku Warisan Manuskrip Melayu Edisi Kedua. YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P. telah menandatangani plak perasmian sebagai simbolik pelancaran buku. Buku edisi kedua ini diperluas dengan penambahan 4 rencana terbaharu iaitu ilmu seksologi, kosmologi, ilustrasi dan seni binaan Melayu tradisional.

Acara kemuncak adalah penyampaian hadiah Pertandingan Poster Digital Jom Baca Bersama 10 Minit 2022 yang menawarkan wang tunai bernilai RM500.00 bagi tempat pertama, RM350.00 bagi tempat kedua, RM250.00 bagi tempat ketiga dan suguhati RM100.00.







Tetamu bergambar bersama Placard Jom Baca Bersama 10 Minit 2022.



Sesi membaca buku selama 10 minit.



Sesi bacaan pantas oleh Encik Ahmad Yazid Ahmad @ Abdul Rahman.



Deklamasi sajak "Seandai kau tahu" oleh Dr. Lim Swee Tin.



Gimik pelancaran buku Warisan Manuskrip Melayu.



YB. Timbalan Menteri melawat tapak pameran sudut bacaan santai dan perpustakaan keluarga.

## EKSPLORASI DIGITAL@ u-PUSTAKA 2022

### PRESSREADER

Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan program Eksplorasi Digital @ u-Pustaka 2022: Pressreader pada 27 Januari 2022 secara dalam talian melalui YouTube PNM TV Channel yang boleh di akses dengan mengimbas kod QR tertera.

Encik David Choo selaku Pengerusi Bahagian Digital bagi UBS *University Book Store Malaysia* menerangkan pilihan kaedah akses kepada Pressreader iaitu menggunakan aplikasi mobil menerusi akses Wifi PNM, menerusi pelayar web di laptop dan Hotspots Pressreader di seluruh dunia.

Dalam sesi eksplorasi tersebut, pengguna didedahkan dengan kaedah penggunaan pangkalan data dan proses peminjaman e-suratkhabar dan e-majalah terkemuka dunia dalam format teks penuh (full-text) dan replika digital.



## EKSPLORASI DIGITAL @ u-PUSTAKA 2022



HADIAH MENARIK  
MENANTI ANDA



DAVID CHOO  
PENERUSI, BAHAGIAN DIGITAL  
UBS UNIVERSITY BOOK  
STORE MALAYSIA

SECARA DALAM TALIAN MELALUI  
YOUTUBE PNM TV CHANNEL



TEROKA INFO KESIHATAN @ PRESSREADER  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
27 JANUARI 2022

10: 00 PAGI - 11:30 PAGI



[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

[PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)

[PNM\\_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)

[pnm\\_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)

[pnmmytube](https://www.youtube.com/channel/UC...)

[PNMRasmi](https://www.facebook.com/PNMRasmi)

[pnmsaluranSosial2](https://www.facebook.com/pnmsaluranSosial2)

[pnm\\_rasmi](https://www.facebook.com/pnm_rasmi)



## EKSPLORASI DIGITAL @u-PUSTAKA 2022

libby  
OverDrive



SYAMIL HAMIDON  
Tenaga Pengajar Overdrive

SECARA DALAM TALIAN MELALUI  
YOUTUBE PNM TV CHANNEL :

<https://youtu.be/1Ygg6Dd-RH0>



LATIHAN PANGKALAN DATA OVERDRIVE  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
20 JANUARI 2022

10.00 PAGI- 11.30 PAGI

HADIAH  
MENARIK  
MENANTI ANDA

[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

[PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)

[PNM\\_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)

[pnm\\_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)

[pnmmytube](https://www.youtube.com/channel/UC...)

[PNMRasmi](https://www.facebook.com/PNMRasmi)

[pnmsaluranSosial2](https://www.facebook.com/pnmsaluranSosial2)

[pnm\\_rasmi](https://www.facebook.com/pnm_rasmi)

## EKSPLORASI DIGITAL@ u-PUSTAKA 2022

### LIBBY BY OVERDRIVE

Program Eksplorasi Digital @ u-Pustaka 2022: *Libby by OverDrive* telah dilaksanakan pada 20 Januari 2022 secara dalam talian melalui YouTube PNM TV Channel yang boleh di akses dengan mengimbas kod QR tertera.

Eksplorasi kali ini menampilkan tenaga pengajar pangkalan data OverDrive, Encik Syamil Hamidon. Pangkalan data OverDrive didatangkan dengan aplikasi mudah alih dikenali *Libby by OverDrive* yang boleh dimuat turun melalui *i Tune Store* atau *Google Play Store*.

Terdapat 4,476 judul e-buku, 140 judul buku audio dan 98 judul e-buku+buku audio di dalam portal tersebut yang menawarkan peminjaman sebanyak dua (2) buah e-buku dalam satu untuk tempoh masa seminggu.

**EKSPLORASI DIGITAL@  
u-PUSTAKA 2022**

**EBSCOHOST**

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengadakan program Eksplorasi Digital @ u-Pustaka 2022: EBSCO e-Book on Mobile Access pada 27 Januari 2022 secara dalam talian melalui ZOOM Meeting dan YouTube PNM TV Channel. Ulang tayang sesi tersebut boleh diakses dengan mengimbas kod QR tertera.

Latihan pencarian maklumat dan cara mengakses aplikasi mudah alih pangkalan data EBSCOHOST disampaikan dalam bahasa Inggeris oleh Cik Jay Yurdakul yang merupakan pakar latihan perkhidmatan maklumat EBSCO.

Dalam sesi eksplorasi tersebut, pengguna didedahkan dengan kelancaran integrasi maklumat antara komputer riba dan telefon pintar di mana jua dan pada bila-bila masa sahaja. Tambahan lagi, pangkalan data ini boleh diakses oleh pengguna kurang upaya disamping boleh muat turun e-buku untuk bacaan luar talian.



**Digital Exploration@u-Pustaka 2022**

**EBSCO Product Highlight:  
eBook on Mobile Access**

In this session we will explore how to search, find and access **EBSCO eBooks** via mobile access using the EBSCO app.

**DATE: Feb 10, 2022 TIME: 10:00 AM**

Training via ZOOM



Trainer: Jay Yurdakul, Training Specialist, EBSCO Information Services



[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)




PerpustakaanNegaraMalaysia



PNM\_Rasmi



pnm\_rasmi



pnmytube



PNMRasmi



pnmsaluransosial2



pnm\_rasmi

**Digital Exploration  
@u-Pustaka 2022**

**SAGE eBook  
Training**

**17 Feb 2022 (Thursday)**

**10.00am - 11.30am**



**Ken Voo**  
Library Sales Executive,  
SAGE Publishing



Follow us  
Access Dunia



[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

PerpustakaanNegaraMalaysia

PNM\_Rasmi

pnm\_rasmi

pnmytube

PNMRasmi

pnmsaluransosial2

pnm\_rasmi



**EKSPLORASI DIGITAL@  
u-PUSTAKA 2022**

**SAGE eBook  
TRAINING**

Program Eksplorasi Digital @ u-Pustaka 2022: SAGE eBook Training telah berlangsung pada 17 Februari lalu secara dalam talian melalui YouTube PNM TV Channel yang boleh di akses dengan mengimbas kod QR tertera.

SAGE Knowledge menyediakan akses penuh lebih 4,600 buku dan 600 bahan rujukan. Tenaga pengajar sesi eksplorasi kali ini dibawakan oleh Encik Ken Voo, Eksekutif Pemasaran Perpustakaan, Penerbitan SAGE. Pengguna dilatih untuk bagaimana untuk memanfaatkan SAGE Knowledge dalam kajian dan penyelidikan.

Pangkalan data ini merupakan hos kepada semua buku dalam talian. Kandungannya sesuai untuk pembelajaran, perbincangan dan aplikasi baharu dalam bidang subjek yang ditawarkan kepada pengguna.

## EKSPLORASI DIGITAL@ u-PUSTAKA 2022

### BLIS

Latihan penggunaan pangkalan data Bernama Library Infolink Service (BLIS) telah berlangsung pada 24 Februari 2022 secara dalam talian YouTube PNM TV Channel. Ulang tayang sesi tersebut boleh diakses dengan mengimbas kod QR tertera.

Pangkalan data BLIS menyediakan koleksi berita dulu serta terkini, data, statistik, infografik dan segala info berkaitan Malaysia. Pengguna boleh memuat turun artikel dalam format PDF.

Di akhir sesi latihan ini, penonton berpeluang untuk menjawab kuiz yang disediakan oleh Encik Wan Rady dan Encik Izzul Zunnurain Darusamin. 10 pemenang bertuah telah berjaya menjawab soalan kuiz dengan betul dan memenangi hadiah wang tunai.

## EKSPLORASI DIGITAL @U-Pustaka 2022



**KHAMIS** | 24 FEB  
2022

10.00 AM - 11.30 AM

### LATIHAN PENGGUNAAN PANGKALAN DATA BLIS


Bernama Library Infolink Service  
blis.bernama.com

BLIS adalah sebuah pangkalan data yang kaya dengan koleksi berita arkib dan terkini. Juga mengandungi data, statistik, infografik, laporan industri dan ekonomi, dan banyak lagi di Malaysia. BLIS memberikan jawapan kepada keperluan penyelidikan anda dengan segera.



YouTube PNM TV  
<https://www.youtube.com/watch?v=mfimil...4ec>

Scan Me



[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)

[PNM\\_Rasmi](#)

[pnm\\_rasmi](#)

[pnmytube](#)

[PNMRasmi](#)

[pnmsaluransosial2](#)

[pnm\\_rasmi](#)



## EKSPLORASI DIGITAL @U-PUSTAKA 2022

KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

### PELAJAR, GURU & IBUBAPA BERHUBUNG DI i-LEARN ACE

### LATIHAN PANGKALAN DATA Siri 1/2022

07 APRIL 2022 10:00-11:30 PAGI



**Cikgu Kay**





RM100 X1  
RM80 X1  
RM60 X1  
RM50 X2  
RM40 X2  
RM30 X3

**e-WALLET**



<https://youtu.be/NnbysnxcNpg>



[www.ilearnace.com](http://www.ilearnace.com)

UPSR 4 SUBJEK

PT3 6 SUBJEK

SPM 13 SUBJEK



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)



[PNM\\_Rasmi](#)



[pnm\\_rasmi](#)



[pnmytube](#)



[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)



[PNMRasmi](#)



[pnmsaluransosial2](#)



[pnm\\_rasmi](#)

## EKSPLORASI DIGITAL@ u-PUSTAKA 2022

### i-LEARN ACE

Eksplorasi digital@u-Pustaka kali ini memfokuskan kepada interaksi pelajar, guru dan ibu bapa melalui pangkalan data i-Learn ACE. Sesi eksplorasi ini telah berlangsung pada 7 April 2022 secara dalam talian melalui ZOOM Meeting dan YouTube PNM TV Channel.

i-Learn Ace merupakan Portal e-Pembelajaran dalam talian PNM yang bermanfaat kerana menyediakan nota, latihan dan kertas ujian yang boleh mengasah kebolehan dan tahap pengetahuan pelajar.

Sesi ini dikendalikan oleh Cikgu Kay yang menerangkan fungsi nota, peta minda dan penilaian bagi setiap subjek yang disediakan. Hadiah menarik *e-wallet* turut diberikan kepada penonton bertuah yang menjawab soalan dengan tepat.

# Digital Exploration @ u-Pustaka 2022



## Raz-Kids Training

14 April 2022 (Thursday)  
10.00am - 11.30am



<https://bit.ly/razkids-pnm2022>

YouTube • LIVE

Bismayazan  
Access Dunia Sdn Bhd



ACCESS DUNIA  
ONE STOP INFORMATION PROVIDER



Follow us  
Access Dunia

www.pnm.gov.my PerustakaanNegaraMalaysia PNM\_Rasmi pnm\_rasmi  
pnmmytube PNM Rasmi pmsaluransosial2 pnm\_rasmi

## EKSPLORASI DIGITAL@ u-PUSTAKA 2022

### A-Z RAZ KIDS

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersempena dengan Eksplorasi Digital@ u-Pustaka 2022 telah menganjurkan sesi penerangan pangkalan data A-Z RAZ Kids pada 14 April 2022 secara dalam talian melalui ZOOM Meeting dan YouTube PNM TV Channel.

Tenaga pengajar sesi eksplorasi kali ini adalah Puan Bismayazan dari Access Dunia Sdn Bhd. Penonton didedahkan dengan cara mengakses lebih 50,000 kandungan pembelajaran dan aktiviti secara interaktif telah disediakan di Raz Kids.

*My word journal* dan *reflection* merupakan fungsian menarik yang membolehkan pengguna untuk mengunci masuk perkataan yang dipelajari untuk rujukan semula. Sesi kuiz turut disediakan bagi ulang kaji sesi eksplorasi ini.

# HEBAHAN KOLEKSI MANUSKRIP MELAYU

**Koleksi Manuskrip Melayu**

MSS 2381 (2)  
**(PETUA GAJAH, PETUA MENAMAKAN ANAK, KITAB TIB)**

Masyarakat Melayu dahulu kala telah lama didedahkan dengan ilmu daripada nenek moyang mereka. Pelbagai petua dan azimat telah diperturunkan dan dikongsi dari generasi ke generasi seterusnya. Manuskrip ini merupakan di antara salah satu manuskrip Melayu yang sangat menarik kerana petua-petua yang dikongsi antaranya petua bagaimana untuk menjinakkan gajah hutan, pemberian ubat kepada gajah yang tidak mahu tidur, petua menamakan anak mengikut hari kelahiran serta ubat untuk penyakit paru-paru. Naskhah ini ditulis di atas kertas kadkod tebal berwarna putih colat yang masih dalam keadaan baik.

**Koleksi Manuskrip Melayu**

MSS 1069  
**MANUSKRIP BATAK**

Aksara Melayu kuno telah wujud dan digunakan sejak awal abad ke-4 Masihi. Aksara tersebut ditulis dalam pelbagai bentuk seperti Pallava, Kawi di Jawa, Rejang atau Rencong di Sumatera Selatan, Batak di Sumatera Utara, Tagalog dan Bisaya di Filipina, Lontara di Sulawesi, Papan Turai di Sarawak dan Cam di Vietnam Selatan. Manuskrip Batak (MSS 1069) ini merupakan antara manuskrip yang menggunakan tulisan Batak dan ia ditulis di atas kulit kayu yang dipotong berbentuk akordian, manakala dua keping kayu digunakan sebagai kulit manuskrip. Naskhah ini berukuran 8.2m x 8.5m.

**Koleksi Manuskrip Melayu**

MSS 1323  
**KITAB TIB**

Kitab Tib atau lebih dikenali dengan kitab perubatan ini ditulis pada hari Selasa, 1302H [1884M]. Ia mengandungi beberapa kaedah perubatan bagi mengubati penyakit seperti gatal badan, demam, luka dan penyakit berkaitan suami isteri. Selain itu, ia turut diselitkan dengan azimat seperti menahak sakit daripada seterumusuh, mengelak kecurian dan sebagainya. Manuskrip ini ditulis di atas 19 kepingan buluh yang berukuran 56.5m x 29.5m.

# HEBAHAN SUMBER ELEKTRONIK

**MALAYSIAN LAWS AT YOUR FINGERTIPS!**

Looking for Malaysia acts as a reference? Do your visit at [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) and find out more about laws of Malaysia.

- Principal Act
- E-Gazette
- Constitution of Malaysia
- Subsidiary Legislation - P.U.(A) and more!

FREE REGISTRATION!

contact us: Electronic Resource Division Tel: 03 24877776/1858/1891 Email: [bs@pnm.gov.my](mailto:bs@pnm.gov.my)

**STORYTELLING FOR KIDS**

Your own narrated story - an exciting journey to discover! Designed to make you the most awesome storyteller ever!

While Little Fox is chasing autumn leaves, he plays a game with Daddy. As they play, Little Fox learns that the sky goes on forever, just like love. A heart-warming story about the special bond between father and son.

Me Books is the ultimate digital reading experience with full of silly sounds, ringtones, rhyme and target twisting fun. It's all about reading children's books, stories and creating your voices. Visit us NOW at [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) for FREE!

Contact us for more info: Electronic Resource Division National Library of Malaysia Tel: 03 2487 1776/1781/1892 Email: [bs@pnm.gov.my](mailto:bs@pnm.gov.my)

**Audio Books for your kids!**

Discover a wonderland of children's books with built-in & customisable audio. With over 400 children's books from Oxford University Press, ELI Publishing (Italia), WickWick (Finland), Penguin and Andersen Press. Listen to narrations from world-renowned figures now, and enjoy the ability to record your own voice!

Scan here to access [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my)

Contact Us: Electronic Resource Division Tel: 03 24877776/1858/1891 e-mail: [bs@pnm.gov.my](mailto:bs@pnm.gov.my)

Bahagian Sumber Elektronik Perpustakaan Negara Malaysia

# HEBAHAN MUTIARA KATA

**MUTIARA KATA**

**Carilah Keberkatan REZEKI**

“Rezeki berkat: Sedikitnya cukup, banyaknya boleh diagihkan, menjadi amal kebajikan.”

Rezeki tidak berkat: Sedikitnya tidak cukup, banyaknya tidak pernah puas. Umpama meminum air laut, semakin diminum, semakin haus, tidak menghilangkan dahaga.”

**MUTIARA KATA**

Jika menegur jangan sampai menghinakan, mendidik jangan sampai memaki. Jaga adab kita dalam menasihati orang lain tidak kira samada bersemuka dan lebih-lebih lagi di laman sosial.

**Adab Menegur:**

- Membetulan niat menegur
  - Jika mahu menegur seseorang itu, haruslah kerana kebaikannya, dengan disebarkan dengan atau dengki terhadap orang itu.
- Jangan membuka keaiban orang lain
  - Selain kalau tegur seseorang itu secara terbuka atau menceritakan kelemahan orang itu kepada orang lain.
- Perlu lihat kesesuaian waktu dan tempat
  - Perlu juga melihat kedudukan orang yang ditegur itu, ia menentukan cara untuk menegur seseorang itu sama ada sesuai ataupun tidak.

**MUTIARA KATA**

“Kita boleh marah, tapi pantang berkasar. Kita boleh marah, tapi ketawalah, dan jangan kehilangan senyum. Kita pasrah miskin, tapi jauhkanlah diri dari keinginan mengemis. Orang yang kehilangan wang, cuma rugi benda. Tetapi orang kehilangan amanah, dia rugi harga diri.”

Sasterawan Negara Arena Wati



# SYABAS & TAHNIAH! ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021

— PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA —  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA


Barisan hadapan dari kiri: Puan Hasnida Jakeria, Cik Nursilah Jainal, Puan Ida Nur Hafizah Hamza, Puan Norsheena Hasmodin, YBrs. Encik Edy Irwan Zulkafli, YBrs. Puan Salasiah Abdul Wahab, Puan Soraya Hani Mohamed Hatta, Cik Zuraida Mohd. Aziz dan Encik Azizan Wahab

Barisan kedua dari kiri: Puan Nurul Athika Ahmad Amimar, Puan Shuryananita Samsudin, Puan Nor'aini Nawi, Encik Zulfahmie Merbawi, Encik Shaiful Azli Mahamad Nor, Puan Salmiah Abdullah, Puan Masleha Masron, Puan Nur Amirah Anuar dan Encik Mohd Azrul Abdul Karim

Barisan ketiga dari kiri: Puan Nurfarah Hanim Ramli, Puan Sayani Ismail, Puan Paramess A/P Krishnan, Puan Zaridaasma Zaliah, Puan Valli A/P Selvearaja, Puan Amila Awang Zau dan Cik Laila Anak Sebu.

Barisan keempat dari kiri: Puan Noor Shazila Johari, Encik Akmal Shahmeen Ahamad Sabarudin, Cik Syazwani Abdullah dan Puan Roslelawati Ali.

Barisan kelima dari kiri: Encik Mohamad Arif Mohd Arif, Encik Mohd Faiz Md Isa, Encik Farid Ashraf Kamarulzaman dan Encik Mohammad Hafazah Mohd Azraai.



# BUKU 20

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# TERLARIS 21







KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## MS ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM - ABMS)

### "MELESTARIKAN MOTAC SIFAR RASUAH"

#### OPERASI



#### MENGURUS KELEMAHAN KAWALAN ANTIRASUAH



MOTAC memastikan sekiranya hasil daripada usaha wajar (due diligence) ke atas projek, transaksi, aktiviti atau perjanjian dengan sekutu perniagaan menunjukkan risiko Anti Rasuah tidak dapat diurus dengan baik melalui kawalan Anti Rasuah sedia ada dan MOTAC tidak berhasrat untuk mengadakan kawalan tambahan, maka MOTAC akan:



01

bagi mana-mana urusan, projek, aktiviti atau hubungan yang sedang berjalan dengan sekutu perniagaan, MOTAC boleh memberhentikan, membatalkan, menggantung atau keluar dari urusan tersebut.



02

bagi mana-mana cadangan urusan baharu, projek, aktiviti atau hubungan, MOTAC boleh menangguhkan atau menolak untuk terlibat dalam urusan tersebut



# AHLI MAJLIS BERSAMA JABATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA PIHAK PEKERJA SESI 2022-2023



**PENGERUSI**  
Mahathir Bin Mohd Jiwa



**SETIAUSAHA**  
Nur Dalila Binti Zainal



**Wakil Skim Pustakawan  
Gred S44**  
Beghum Ulfhat Shehnaaz Binti Amir Razli      Wan Yuhaimisham Bin Wan Yusoff



**Wakil Skim Pustakawan  
Gred S41**  
Abdul Rahman Bin Muhammad Shariff      Mohd Jeffri Bin Abu Hassan Vadival



**Wakil Skim Penolong Pustakawan  
Gred S32/ S38/ S40**  
Chuhana @ Suhana Binti Ahmad      Siti Shafarah Binti Shamsudin



**Wakil Skim Penolong Pustakawan  
Gred S29**  
Nur Dalila Binti Zainal      Wan Mohd Saiful Bin Mohd Ghazali



**Wakil Skim Pembantu Pustakawan  
Gred S22/ S26/ S28**  
Mohammad Hafazah Bin Mohd Azraai      Natrah Ramadiah Binti Mohd Shukor



**Wakil Skim Pembantu Pustakawan  
Gred S19**  
Mahathir Bin Mohd Jiwa      Ahmad Zaki Bin Zakaria



**Wakil Skim Teknologi Maklumat  
Gred FT19/ FT22/ F29/ F32/ F41/ F44**  
Azharizal Bin Abu Bakar      Ummi Syarni Binti Rifaie



**Wakil Skim Penolong Jurutera  
Gred JA36/ JA29**  
Encik Kamanizal Bin Mat Kail



**Wakil Skim Penolong Pegawai Tadbir/  
Pembantu Tadbir/ Peg. Perkhidmatan  
Pelanggan/Juru Fotografi/ Pereka  
Gred N19/ N22/ N29/ N32/ N36/ B19/ B22**  
Rosnaliza Binti Rahim      Anita Binti Atan



**Wakil Skim Pembantu Tadbir Kewangan/  
Pembantu Akauntan/ Pen. Akauntan/  
Pen. Peg. Perangkaan  
Gred W19/ W22/ W29/ W32/ E32**  
Mohd Hafizullah Bin Che Harun



**Wakil Skim Pembantu Pemuliharaan  
Gred S19/ S22/ S26**  
Norsuziyana Binti Mat Nasib      Fithri Aziz Bin Zakaria



**Wakil Skim Setiausaha Pejabat  
Gred N19/ N22/ N29/ N32/ N36**  
Syaidatul Nadia Binti Mehboob Khan      Nabilah Binti Johari



**Wakil Skim Pembantu Operasi  
Gred N11/ N14**  
Ibnu Ridzwan Bin Zulkupli      David Govindasamy A/L V Subramaniam



**Wakil Skim Pemandu  
Gred H11**  
Shahril Bin Sapie      Mohd Haniff Bin Abdul Latiff



**Wakil Bahagian Pembangunan dan  
Perpustakaan Desa**  
Wan Nur Azma Binti Wan Asik

semasa kerja  
sebelum balik



*"Persekitaran Kondusif, Pekerja Efektif"*

*Jom... pastikan ruang kerja anda*

*Sentiasa*

*Kemas &*

*Bersih*

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Jawatankuasa Promosi EKSA PNM**

# Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

T. 603 2687 1700 | F. 603 2694 2490

[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)

[www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my)



[www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)



[PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)



[PNM\\_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)



[pnm\\_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)



[pnm\\_youtube](https://www.youtube.com/channel/UCpnm_rasmi)



[PNMrasmi](https://www.telegram.com/channel/PNMrasmi)



[pnmsaluransosial2](https://www.facebook.com/pnmsaluransosial2)



[pnm\\_rasmi](https://www.tiktok.com/@pnm_rasmi)